

# KERATAN AKHBAR

NAMA : SINAR HARIAN (Lanai) TARIKH: 1 JANUARI 2017 M/S: 6

## IJM serah rumah myHome

MENERUSI program pemulihan rumah myHome, IJM Land berjaya menyiapkan serta membaiki rumah keluarga yang kurang bernasib baik.

Tahun 2017 menyaksikan penyerahan rumah kepada jurujual, Jakumar Supramaniam, 38, bersama isteri dan tiga anaknya, setelah menjalani baik pulih sepenuhnya daripada masalah kerosakan yang besar.

Pengurus Besar IJM Land Berhad, Leong Fook Yew berkata, ia adalah impian IJM Land untuk menghulurkan bantuan dalam pelbagai cara kepada masyarakat yang selama ini turut menyokong syarikat tersebut.

"Program myHome telah menjadi

satu daripada teras tanggungjawab sosial korporat kami untuk menyediakan perlindungan yang selamat dan selesa kepada masyarakat yang kurang bernasib baik.

"Kami berharap agar dengan pemberian rumah yang lebih baik ini, akan membantu mereka meneruskan kehidupan dengan lebih baik," katanya pada majlis serah khas, baru-baru ini.

Menurutnya, syarikatnya akan meneruskan program tersebut untuk



Fook Yew (tengah) menyerahkan plak serah khas kediaman kepada pemilik.

tahun ini yang akan membantu mereka kurang bernasib baik memiliki kediaman lebih baik dan selesa.